

## Ustaz Taha dipilih lagi Yg Dipertua - 2 JUN 1976 Perpensis

USTAZ Haji Taha Suhalmi telah dipilih lagi menjadi Yang Dipertua Persatuan Pencak Silat Singapura dalam mesyuarat agung persatuan itu Ahad lepas.

Dipilih menjadi Naib Yang Dipertua dalam mesyuarat yang berlangsung di Madrasah Al-Maarif, Ipoh itu ialah Haji Jumaat Sidek.

Haji Abdullah Awang pula dipilih lagi menjawal jawatan Setiausaha dengan Penolongnya Encik Jamil Ma'arof. Bendahari ialah Encik Hasnan Wahyuni dan Penolongnya, Haji Rawi Nahrawi.

Pegawai Penerangan yang dipilih dalam mesyuarat itu ialah Encik Hamzah Abdul Ghani dan Penolongnya Haji Kam-sir Pamir.

Anggota - anggota jawatankuasa persatuan itu akan dilantik bila jawatankuasa barunya bersidang tidak lama lagi.

## Penukaran - 9 JUN 1976 nama diluluskan

PERSATUAN Pencak Silat Singapura kini bertukar nama menjadi Persatuan Pencak Silat dan Islam Singapura.

Penukaran tersebut telah diluluskan oleh Pejabat Pendaftaran Persatuan-Persatuan Singapura dan dikuat-kuasakan mulai kemarin.

Sementara itu, persatuan tersebut akan menganjurkan majlis Manakib mulai 9.00 malam 12 Jun ini, di bangunan Madrasah Al-Maarif, Ipoh Lane.

## Pesta silat: 8 pasukan akan ambil - 11 JUN 1976 bahagian

PERSIAPAN - PERSIAPAN kini sedang dibuat untuk mengadakan peringkat uljan bagi memilih pasukan - pasukan silat yang layak menyertai Pesta Silat tidak lama lagi.

Pesta tersebut yang akan dianjurkan oleh Persekutuan Silat Singapura akan merupakan satu daripada acara-acara untuk Pesta Sukan Singapura.

Inilah kali pertama persembahan seni silat akan dimasukkan dalam pesta tersebut yang diadakan sempena sambutan Hari Kebangsaan di sini.

Setiausaha Persekutuan Silat Singapura, Encik Johari Urif, berkata bahawa lapan buah badan silat yang bergabung dengan persekutuan itu akan mengambil bahagian.

Menurutnya, tujuan utama persembahan ini ialah untuk menunjukkan bahawa silat merupakan salah satu daripada kegiatan sukan di sini.

"Sebagai salah sebuah badan yang bergabung dengan Majlis Sukan Singapura kami telah diundang untuk menyertai Pesta Sukan itu," jelasnya.

Dia juga menjelaskan bahawa sebagai permulaan, persekutuannya hanya membuka peluang menyertai pesta ini kepada kerabat-kerabatnya saja.

Tetapi, tambahnya, jika usaha pertama ini menunjukkan kejayaan, besar kemungkinan persyertaan untuk Pesta Silat di hadapan akan diperluaskan kepada badan-badan di luar persekutuan.

Pesta Silat tersebut dijadualkan berlangsung pada 18 Ogos akan datang dan badan-badan yang akan mengambil bahagian akan menjalani peringkat pemilihan setelah peringkat uljan.

"Walaupun ia bukan merupakan peraduan, tetapi ada hadiah-hadiah yang akan diberikan kepada pasukan-pasukan yang dapat menunjukkan persembahan terbaik," katanya.